

## **BAB KELIMA**

### **RUMUSAN DAN SARANAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab terakhir ini merumuskan segala dapatan dan perbahasan kajian yang telah dipersembahkan dalam bab-bab terdahulu secara menyeluruh. Seterusnya, saranan dan cadangan untuk merealisasikan tahap penguasaan membaca teks Arab yang berkesan dikemukakan.

#### **5.2 RUMUSAN**

Untuk menjelaskan lagi rumusan kajian, dua bentuk rumusan dikemukakan, iaitu; rumusan mengenai penguasaan membaca dan rumusan berkaitan dengan dapatan kajian.

##### **5.2.1 Rumusan Mengenai Penguasaan Membaca Daripada Kajian Lalu**

Berdasarkan pembentangan yang dikemukakan dalam bab kedua penyelidikan ini, terdapat pelbagai pendapat definisi serta teori mengenai membaca yang dikemukakan

oleh ulama silam dan moden. Di samping itu penekanan tentang maksud penguasaan juga diperjelaskan.

Dalam pada itu, beberapa teori barat mengenai proses membaca antaranya; Bottom Up Reading, Top-Down Reading dan Interactive Reading diperkenalkan. Selain itu, perbahasan tentang jenis-jenis bacaan yang melibatkan bacaan secara nyaring (*qira':ah jahriyyah*) dan bacaan secara senyap (*qira':ah sa:mitah* serta cabang-cabangnya diterangkan.

Setelah itu dibahaskan hubungan kognitif atau pemikiran dengan penguasaan pemahaman teks yang menjadi salah satu topik penyelidikan ini. Di samping itu, diperkenalkan tahap-tahap kefahaman bacaan, termasuk tahap kefahaman literal, inferensi, membuat penilaian serta appresiasi. Seterusnya dibentangkan kajian pengkaji Arab berkaitan tahap penguasaan membaca teks Arab bagi memperkuuhkan kepentingan kajian ini. Dalam pada itu, di akhirnya dibentangkan sedikit mengenai BPG dan IPGM supaya pembaca dapat menggambarkan dengan jelas kajian ini.

### **5.2.2 Rumusan Daripada Dapatan Kajian**

Berdasarkan dapatan yang diperoleh menerusi analisis data dalam bab keempat, beberapa kesimpulan boleh dikemukakan mengikut objektif kajian yang menyenaraikan tiga dapatan utama.

Pertama, kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhan, tahap pemikiran responden terhadap bacaan teks Arab adalah sederhana. Ini membuktikan tahap penguasaan bacaan mereka berada pada tahap yang sama. Perkara ini terbukti apabila lebih separuh 50.4% daripada responden tidak mempunyai pengetahuan mendalam pada item di tahap tinggi. Manakala 37% daripada mereka tidak pasti dan hanya 12.6 % sahaja yang berpengetahuan tinggi. Dapatan ini disokong dengan dapatan bahawa semua responden ( $n = 135$ ) atau 100 % dapat menguasai bacaan pada tahap pemikiran rendah.

Kenyataan ini diperkuuhkan dengan melihat perbandingan tahap pemikiran responden berdasarkan program. Di dapati bahawa, responden program PISMP (IPGM) lebih tinggi pemikiran mereka berbanding responden program PPISMP. Ini bererti, program yang disertai responden mempengaruhi secara signifikan tahap pemikiran mereka dan seterusnya membuktikan tahap penguasaan membaca mereka. Faktor yang boleh diandaikan berlakunya dapatan ini ialah; tempoh masa pembelajaran dan pendedahan bahasa Arab yang panjang mempengaruhi tahap pemikiran mereka disokong oleh tahap pencapaian kemahiran bahasa Arab mereka.

Dapatan kedua yang ingin diketengahkan di sini adalah dapatan tahap pemahaman responden terhadap teks Arab yang dibaca. Secara keseluruhan, tahap pemahaman pelajar terhadap bacaan teks Arab adalah sederhana. Ini membuktikan tahap penguasaan bacaan mereka berada pada tahap yang sama. Perkara ini terbukti apabila lebih separuh 48.9% daripada responden memperolehi julat markah antara 50 hingga 60 yang menunjukkan tahap pemahaman sederhana. Manakala separuh daripada mereka 38.6% pula memperolehi julat markah antara 20 hingga 40 berada pada pemahaman rendah

dan amat rendah. Hanya 7.4 % tahap pemahaman mereka sederhana tinggi dan 5.2% sahaja tahap pemahaman mereka tinggi.

Banyak faktor boleh diandaikan yang membawa kepada dapatan ini. Antaranya responden kurang didedahkan dengan bentuk teks Arab yang tinggi uslub bahasanya semasa proses pengajaran dan pembelajaran di institut. Ini mengakibatkan maklumat yang hendak disampaikan oleh satu-satu teks itu tidak tercapai dan kurang difahami. Responden juga diandaikan kurang membaca bacaan sampingan dalam bahasa Arab yang terbukti akan menguatkan tahap penguasaan pemahaman dan pembacaan mereka.

Apabila dilihat pada tahap pemahaman teks Arab berdasarkan jantina pula, terdapat perbezaan penguasaan kefahaman tinggi yang signifikan antara responden perempuan berbanding responden lelaki. Analisis membuktikan responden perempuan lebih memahami teks Arab yang dibaca iaitu; 10.4% berada pada tahap pemahaman tinggi. Berbanding responden lelaki hanya memperoleh 2.2% pada tahap pemahaman yang sama. Ini bererti secara signifikan, dalam populasi di mana sampel kajian diambil, responden perempuan lebih memahami apa yang dibaca manakala responden lelaki kurang memahami apa yang dibaca.

Dapatan ini boleh diandaikan dengan faktor responden perempuan lebih cermat dalam aspek membaca serta memahami apa yang dibaca dan mempunyai strategi membaca yang tinggi berbanding responden lelaki yang tidak cermat, kurang faham serta tidak mempunyai strategi membaca yang khusus. Dapatan analisis lain juga menjelaskan bahawa pengkhususan sama ada major atau minor yang disertai oleh responden tidak

mempengaruhi pemahaman responden secara signifikan terhadap teks Arab yang dibaca.

Dapatkan ketiga yang ingin diketengahkan melibatkan hubungan antara tahap pemikiran dan tahap pemahaman dalam bacaan teks Arab. Satu dapatan yang tidak dijangka ialah tahap pemikiran bukan merupakan faktor penting dalam menilai tahap pemahaman responden terhadap bacaan teks Arab. Ini kerana, korelasi yang wujud antara tahap pemikiran dan tahap pemahaman bacaan teks Arab responden di dapati amat lemah. Bahkan hubungan yang diperoleh antara kedua-dua pemboleh ubah ini didapati tidak signifikan secara statistik dan bersifat negatif. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pendekatan pengajaran yang menjadikan pensyarah sebagai pembekal segala maklumat, yang secara tidak langsung menyebabkan responden kurang menggunakan tahap pemikiran yang dimiliki, atau dengan kata lain, pencapaian pemahaman mereka yang baik tidak didorong oleh tahap pemikiran mereka yang tinggi tetapi mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain.

Namun begitu, dapatan yang diperoleh hanya terhad dalam kajian ini. Kemungkinan untuk memperoleh dapatan yang berbeza tidak mustahil berlaku sekiranya kajian ini melibatkan responden lain atau institusi lain. Walaupun demikian, hubungan antara jantina, program dan sekolah terakhir dengan tahap pemahaman adalah signifikan secara statistik dan amat lemah serta bersifat positif. Oleh itu, kemungkinan dapatan yang berbeza mungkin dipengaruhi oleh faktor di luar kawalan, jangkauan mahupun jangkauan kematangan pemikiran responden.

## **5.3 SARANAN**

Hasil daripada kajian penguasaan membaca teks Arab ini, pengkaji akan mengemukakan cadangan dan saranan dalam dua bentuk yang berbeza, iaitu; pertama, cadangan bagi penyelesaian masalah yang akan diutarakan dalam saranan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di IPG; dan kedua, cadangan untuk penyelidikan akan datang yang boleh membantu melengkapkan atau menyokong dapatan kajian ini.

### **5.3.1 Saranan Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di IPG**

Saranan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di IPG yang dikemukakan ini merupakan beberapa langkah penyelesaian bagi mengatasi masalah kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran membaca teks Arab serta pemahamannya.

Kurikulum pengajaran yang berkaitan dengan kemahiran membaca perlu kepada penambahbaikan. Ini kerana, dapatan menunjukkan tiada peningkatan terhadap aspek pemikiran pembaca walaupun mereka telah mengikuti program persediaan; iaitu PPISMP sebelum itu. Penggubalan kurikulum yang lebih mantap adalah perlu bagi merealisasikan dapatan tahap kemahiran membaca yang lebih baik.

Dalam pada itu, mempelbagaikan teknik pengajaran kemahiran membaca serta penumpuan kepada tahap pemahaman pelajar ke atas bacaan mereka juga merupakan

salah satu cara yang paling sesuai. Di samping itu penekanan kepada latih tubi bacaan juga akan mempertingkatkan penguasaan mereka.

Seseorang tenaga pengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca teks, perlu mempunyai persediaan yang mantap dari sudut strategi bahasa. Sebagaimana Trabasso & Bouchard (2002: 186) pernah menyatakan “*There has been a great deal of research on how to promote reading comprehension but not much on how well this knowledge has filtered into the classroom. Teachers seem not to teach comprehension instruction strategies without having themselves been prepared to teach them*”.

### **5.3.2 Saran Untuk Kajian Akan Datang**

Memandangkan kajian penguasaan membaca teks Arab di IPG merupakan satu penerokaan baharu dalam konteks pembelajaran bahasa Arab amnya dan di Malaysia khususnya, banyak saranan yang boleh dikemukakan untuk kajian akan datang bagi melihat keberkesanan pengajaran kemahiran membaca dalam memantapkan proses pembelajaran bahasa Arab.

Antara kajian yang sesuai dijalankan tentang penguasaan membaca teks Arab dalam pembelajaran bahasa Arab pada masa akan datang termasuklah;

- i. Kajian yang melibatkan sampel dan latar belakang yang berbeza. Ini bertujuan melengkapkan lagi dapatan umum mengenai tahap pemikiran dan pemahaman yang telah diperoleh menerusi kajian ini.
- ii. Kajian yang lebih komprehensif yang menggunakan teknik pengumpulan data yang berbeza seperti kaedah temubual, teknik perlantangan fikiran, kajian diari dan sebagainya. Ini adalah untuk menyokong dapatan kajian sedia ada yang boleh melahirkan satu generalisasi tentang penguasaan membaca teks Arab dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.
- iii. Kajian penguasaan membaca teks Arab yang berbentuk kualitatif bagi melihat keberkesanan penguasaan membaca serta diharapkan berupaya menonjolkan kesan yang signifikan terhadap peningkatan penguasaan dan keupayaan bahasa Arab pelajar. Ini kerana kecenderungan responden untuk memilih jawapan yang terbaik daripada item soal selidik memang tidak dinafikan. Keberangkalian ini mendorong ke arah pemilihan jawapan yang hampir sama di kalangan mereka.
- iv. Kajian bagi mengenal pasti faktor kelemahan pelajar dalam penguasaan membaca teks Arab. Kajian ini boleh dilaksanakan dalam bentuk analisis kesilapan.
- v. Membina instrumen yang khusus lebih terperinci untuk menguji tahap penguasaan membaca teks Arab pelajar secara keseluruhan dan juga aspek-aspek khusus dalam bidang ini.

#### **5.4 Penutup**

Sebagai kesimpulan, pengkaji mengambil pendapat Yahya Othman (2008: 57) berkenaan kajian penguasaan membaca. Beliau menyatakan pemahaman membaca tidak hanya melibatkan pengecaman linguistik dan persefahaman kognitif tetapi juga cenderung kepada reaksi pembaca terhadap kandungan, yang memberi kesan kepada penilaian apresiasi pembaca yang menjadi sebahagian daripada keperluan pemahaman. Beliau menambah, jika tidak terdapat sebarang penilaian dan apresiasi berdasarkan teks yang dibaca, pemahaman dianggap tidak lengkap.